

SIARAN MEDIA

4 OGOS 2025

ALAM FLORA & SWCORP LANCAR MONUMEN KOMPAKTOR SEMPENA HARI PENGHARGAAN PEKERJA PEMBERSIHAN

Kuantan, 4 Ogos 2025 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), melakar sejarah apabila melancarkan Monumen Kompaktor di Taman Gelora, Kuantan, bersempena sambutan Hari Penghargaan Pekerja Pembersihan. Inisiatif ini, yang pertama seumpamanya, direalisasikan bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebagai simbol penghormatan kepada para pekerja pembersihan yang menjadi barisan hadapan dalam menjaga kebersihan dan kesihatan awam.

Monumen ini dibina daripada lori kompaktor terpakai tahun 2012 yang telah berkhidmat selama 13 tahun, mengutip sampah dari hampir 3 juta premis di Kuala Lumpur dan Pahang. Ia kini diubah suai sepenuhnya menjadi struktur kekal yang membawa mesej penghormatan, kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Fasiliti SWCorp, Azman Omar, Pengarah Jabatan Kawalan Perniagaan dan Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Bandaraya Kuantan, Norkamawati Kamal, Pengarah SWCorp Negeri Pahang, Zaidi Tuah dan Ketua Pegawai Operasi Alam Flora, Mohamad Muhazni Mukhtar di Taman Gelora, Kuantan, Pahang.

Menurut Mohamad Muhazni, pembinaan monumen ini adalah manifestasi komitmen Alam Flora dalam memperkasakan imej pekerja pembersihan serta mendidik masyarakat agar lebih menghargai peranan mereka.

“Monumen ini bukan sekadar struktur fizikal, tetapi lambang semangat, ketekunan dan jasa mereka yang menjaga kebersihan kita setiap hari. Ia juga menjadi platform pendidikan awam untuk menyemai budaya hormat terhadap pekerjaan pembersihan,” katanya.

Monumen ini dijangka memberi impak positif kepada masyarakat setempat, bukan sahaja sebagai mercu tanda baharu di Taman Gelora, tetapi juga sebagai alat pendidikan visual yang menggalakkan nilai kebersihan, kelestarian dan tanggungjawab bersama. Ia turut menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk lebih prihatin terhadap penjagaan alam sekitar.

Sebagai tanda sokongan kepada komuniti, Alam Flora turut menyampaikan anugerah penghargaan kepada 27 pekerja am dan sumbangan kepada 10 keluarga asnaf, sebagai penghargaan atas jasa dan pengorbanan mereka.

Inisiatif ini adalah merupakan sebahagian daripada tonggak perniagaan Malakoff, aspirasi Penyelesaian Alam Sekitar Malakoff untuk memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar dan penyelesaian yang didedikasikan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan planet ini. Ia juga selaras dengan Matlamat SDG PBB No. 11 di mana ia bertujuan untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan serta menyokong tujuan menyeluruh Malakoff iaitu *'Enhancing Life, Enriching Communities'*. Sempena sambutan ulang tahun ke-50 Kumpulan Malakoff pada tahun ini, inisiatif ini turut mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan dalam memacu impak yang bermakna, bukan sahaja melalui kecemerlangan operasi, malah melalui usaha kelestarian jangka panjang dan pembangunan komuniti.

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan sebuah syarikat konsesi terbesar dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terbesar di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

PRESS RELEASE

4 AUGUST 2025

ALAM FLORA & SWCORP UNVEIL COMPACTOR MONUMENT TO HONOUR GARBAGE MAN DAY

Kuantan, 4 August 2025 - Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), reinforced its commitment to environmental sustainability and public appreciation by making history today with the launch of the Compactor Monument at Taman Gelora, Kuantan, in conjunction with the Garbage Man Day. This first-of-its-kind initiative was made possible through close collaboration with the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp), and stands as a symbol of recognition for cleaning workers who serve as frontliners in maintaining public cleanliness and health.

The monument was constructed using a retired compactor truck from 2012, which had served for 13 years, collecting waste from nearly 3 million premises across Kuala Lumpur and Pahang. It has now been fully transformed into a permanent structure that conveys messages of respect, awareness and education to the public.

The launch ceremony was officiated by the Director of the SWCorp Facilities Division, Azman Omar; the Director of the Business Control and Municipal Services Department of Kuantan City Council, Norkamawati Kamal, the Director of SWCorp Pahang, Zaidi Tuah and the Chief Operating Officer of Alam Flora, Mohamad Muhazni Mukhtar at Taman Gelora, Kuantan, Pahang.

According to Mohamad Muhazni, the construction of the monument reflects Alam Flora's commitment to uplifting the image of cleaning workers and educating the public to better appreciate their vital role.

"This monument is more than just a physical structure—it is a symbol of the spirit, dedication and contributions of those who keep our surroundings clean every day. It also serves as a public education platform to instil respect for the cleaning profession," he said.

The monument is expected to have a positive impact on the local community, not only as a new landmark in Taman Gelora, but also as a visual educational tool that promotes values of cleanliness, sustainability and shared responsibility. It also aims to inspire younger generations to be more mindful of environmental care.

As part of its community support efforts, Alam Flora also presented appreciation awards to 27 general workers and donations to 10 underprivileged families, in recognition of their service and sacrifice.

This initiative is part of Malakoff's business pillar, Malakoff Environmental Solutions' aspiration to focus on environmental management and solutions that are dedicated to serving communities and the planet. It is also in line with the UN SDG Goal No. 11, which aims to make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable - aligned with Malakoff's overarching purpose of 'Enhancing Life, Enriching Communities'. In conjunction with Malakoff Group's 50th anniversary this year, the initiative further reflects the Group's continued commitment to driving meaningful impact, not only through operational excellence but also through long-term sustainability and community-building efforts.

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) is largest environmental management companies in Malaysia that is dedicated to serving communities to manage and reduce waste with minimal environmental impact. Alam Flora is a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad. Being one of the largest concession holders of Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatisation project, Alam Flora provides comprehensive waste management services to several concession areas in certain regions of Peninsular Malaysia, the Federal Territory of Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Terengganu and Kelantan.

For more information, please contact:

Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my